

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEEMPAT
DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS
22, 23, 24 DAN 25 MEI 2023**

PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN 23 MEI 2023

SOALAN NO. 5

YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan] bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, sejak kebelakangan ini, berapa jumlah pelabur yang melabur di negeri sabah dan apakah jenis-jenis pelaburan, dimana lokasi dan berapa jumlah wang yang terlibat.

JAWAPAN SOALAN NO. 5

Tuan Speaker,

Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan Sabah komited untuk menarik pelaburan-pelaburan berimpak tinggi ke Sabah supaya peluang pekerjaan dapat diwujudkan dan ekonomi dapat dibangunkan.

Justeru, sukacita saya ingin maklumkan prestasi pelaburan kebelakangan ini adalah amat memberangsangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat **Sulabayan** dan Ahli-Ahli yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, jumlah pelaburan yang telah diterima bagi Negeri Sabah pada tahun 2022 adalah sebanyak RM11.5 bilion dalam pelbagai sektor. Bagi sektor perkilangan sahaja, jumlah pelaburan diterima adalah sebanyak RM8.38 bilion berdasarkan maklumat yang telah diterbitkan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Nilai

pelaburan ini telah meningkat sebanyak RM3.52 bilion berbanding tahun 2021 dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.86 bilion. Pada tahun 2022, Negeri Sabah adalah negeri kelima tertinggi menerima pelaburan dalam sektor perkilangan di Malaysia.

Berdasarkan data pelaburan yang telah diterbitkan oleh pihak MIDA, maklumat berhubung jumlah pelabur, jenis-jenis pelaburan dan lokasi bagi pelaburan yang telah diluluskan pada tahun 2022 adalah seperti berikut:-

- i. Pertama, jumlah projek perkilangan yang telah diluluskan di Sabah adalah sejumlah dua puluh tiga (23) projek perkilangan.
- ii. Kedua, antara jenis-jenis pelaburan yang telah diluluskan adalah kilang pembuatan kaca solar, kilang pemprosesan pasir silika, kilang penapisan minyak petroleum, kilang pembuatan makanan, kilang pembuatan perabot, kilang oleokimia, kilang pembuatan bahan binaan dan sebagainya.
- iii. Ketiga, lokasi-lokasi pelaburan yang merangkumi pelaburan domestik dan asing ini adalah terletak di Taman Perindustrian Kota Kinabalu (KKIP), Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP), Kudat, Tawau, Sandakan, Kota Kinabalu, dan Lahad Datu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat **Sulabayan** dan Ahli-Ahli yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini juga, terdapat beberapa pelaburan yang telah diterima oleh Negeri Sabah yang sedang diselaraskan oleh Kementerian Saya dengan anggaran nilai pelaburan yang mencecah **RM20.35 Bilion**. Pelaburan domestik dan asing yang sedang diselaraskan ini masih belum tersenarai di dalam senarai projek perkilangan yang telah diluluskan oleh MIDA memadamkan pihak pelabur sedang menyediakan

dokumentasi lengkap bagi permohonan *Federal Manufacturing License* (FML).

Pelaburan yang sedang diselaraskan ini adalah termasuk pelaburan berimpak tinggi daripada sebuah syarikat gergasi pembuatan besi yang berpangkalan di Singapura iaitu syarikat Esteel Enterprise Sabah Sdn Bhd dengan anggaran nilai pelaburan berjumlah RM19.8 bilion melalui tiga (3) fasa pelaburan.

Walaupun beberapa pelaburan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dan diselaraskan oleh Kementerian saya ini masih belum menerima lesen pengilang (FML) tersebut, namun begitu, pihak pelabur telah menyatakan komitmen yang tinggi untuk melabur di Sabah dengan menandatangani perjanjian pajakan tanah sepertimana yang telah dilaksanakan oleh pihak Esteel dengan menandatangani perjanjian pajakan tanah di SOGIP pada 30 November 2022 yang lalu.

Secara keseluruhannya, dianggarkan **sejumlah RM33 Bilion** nilai pelaburan yang telah diterima oleh Negeri Sabah **sejak hujung tahun 2020**. Pencapaian ini adalah kejayaan yang amat membanggakan walaupun terpaksa mendepani cabaran Covid-19 yang dihadapi di seluruh dunia.

Kementerian saya akan meningkatkan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan di Negeri Sabah demi pertumbuhan sektor perindustrian disamping mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat di negeri ini.

Sekian. Terima kasih.